

UPM tawar skim PPS, EPSK untuk penuntut pasca siswazah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menawarkan skim Pembantu Penyelidik Siswazah (PPS) dan skim Elaun Penyelidikan Siswazah Khas (EPSK) bagi pelajar program pasca siswazah yang menepati syarat kelayakan.

Dekan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Prof Dr Aini Ideris (**gambar**), berkata skim itu adalah antara langkah untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengikuti program pasca siswazah ditawarkan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), UPM.

Beliau berkata, pelajar di bawah skim itu menerima elaun antara RM750 hingga RM1,500 sebulan dan dikecualikan yuran pengajian, manakala skim EPSK pula, pelajar dibayar elaun bulanan maksimum RM1,700, tanpa pengecualian yuran pengajian.



"Setakat ini, 1,200 pelajar menikmati skim ini termasuk yang ditawarkan pada semester November 2003/2004 iaitu seramai 350 pelajar bagi skim PPS, manakala 50 lagi bagi skim EPSK," katanya kepada *Berita Harian* di Serdang, baru-baru ini.

Selain itu, pelajar SPS juga ditawarkan pembiayaan di bawah skim Pasca Siswazah menerusi peruntukan Kementerian Sains dan Teknologi Alam Sekitar Malaysia.

Sejak 1995 hingga kini, katanya skim itu telah membiayai lebih 800 pelajar termasuk 153 daripada mereka ditawarkan untuk semester November 2003/2004.

Katanya, UPM turut menerima geran Program Penyelidikan Mengikut Bidang Keutamaan (Irpa) dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) berjumlah RM161 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (kini ditukar kepada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi) selain menerima dana penyelidikan daripada agensi luar negara.

Geran penyelidikan yang tinggi itu menarik minat ramai pelajar siswazah dalam dan luar negara. Kini, SPS mempunyai 6,500 pelajar pasca siswazah dan kira-kira 1,000 daripadanya adalah pelajar antarabangsa dari 51 negara yang mengikuti 400 bidang pengajian dan penyelidikan yang ditawarkan di 13 fakulti dan enam institut.

Sejak 1977 hingga 2003, UPM telah melahirkan 7,309 graduan sarjana dan 532 graduan Doktor Falsafah.

Tahun lalu, UPM membuat penilaian semula

Tahun lalu, UPM membuat penilaian semula peraturan pengajian siswazah dalam usaha memastikan semua graduannya mempunyai pengetahuan luas selain memperkukukkannya dengan menjalankan kajian dan penyelidikan.

Sehubungan itu, SPS menetapkan semua pelajar pasca siswazah yang memilih tesis dikehendaki mengambil kursus bersesuaian dengan bidang penyelidikan mereka.

“Bagi program sarjana, pelajar dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya sembilan kredit kerja kursus sementara peringkat PhD mesti mengambil sekurang-kurangnya 12 kredit kerja kursus.

“Pelajar yang mengikuti sarjana tanpa tesis dikehendaki tamat pengajian dengan sekurang-kurangnya 36 kredit kerja kursus yang ditetapkan mengikut program masing-masing,” katanya.

Beliau berkata, dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan terhadap pelanggan, SPS dalam proses penyediaan Internet Graduate Information Management System (IGIMS) iaitu semua urusan pelajar bermula daripada pengambilan sehinggalah tamat pengajian yang dibuat secara *online*.